



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN MEMBAHARUI LESEN TAHUNAN

1. Pemegang lesen mestilah membuat suatu permohonan bertulis untuk membaharui lesen tahunan **DUA (02) BULAN** sebelum tarikh lesen mansuh.
2. Mengemukakan Borang A dalam 3 salinan dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:
 - i. 3 salinan kad pengenalan pemohon dan orang-orang yang disenaraikan dalam Perenggan B.
 - ii. 3 keping gambar terbaru pemohon yang saiz dan bentuknya sesuai untuk passport dan orang-orang yang disenaraikan dalam Perenggan B.
 - iii. 1 salinan lesen agensi pengawal keselamatan dan 1 salinan sijil pendaftaran perniagaan.
3. Mengemukakan **Penyata Pekerja-Pekerja** (Borang E) mengandungi nama semua orang yang digaji oleh pemegang lesen untuk membantunya dalam kerja sebagai pengawal keselamatan sepertimana peruntukan **Peraturan 8(1), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.
4. Memberikan keterangan senarai nama pelanggan dan tempat kawalan mengikut keutamaan kategori (jabatan kerajaan / kedutaan asing / sekolah / bangunan awam atau swasta).
5. Mengemukakan salinan kertas pengenalan pengawal keselamatan (Borang D)
6. Keterangan pakaian seragam dan peralatan (gambar pengawal keselamatan berpakaian seragam penuh).
7. Keterangan peralatan kelengkapan yang dibekalkan kepada pengawal keselamatan.
8. Keterangan pejabat utama perniagaan dan cawangan (alamat lengkap dan gambar pejabat / bangunan)

Perhatian:

- 1) Permohonan membaharui lesen tahunan yang tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan **BOLEH** menyebabkan permohonan itu tertangguh (kelewatan proses pengeluaran lesen baru).
- 2) Pemegang lesen yang tidak membaharui lesen setelah lebih dari satu tahun dari tarikh mansuh lesen akan dikehendaki untuk menghadapkan permohonan baru / semula seperti permohonan pertama kali.
- 3) Mana-mana syarikat beroperasi menjalankan perniagaan menggunakan lesen yang tamat tempoh/mansuh adalah dianggap **BEROPERASI TANPA LESEN YANG SAH**.
- 4) **Bab 5 (1), Akta Agensi Keselamatan Penggal 187**, tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan tanpa lesen. Melanggar peruntukan Bab 5(1) adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$10,000 atau dihukum penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.